

## **PERADUAN WAVE & GET XTRA HUAT TERMA DAN SYARAT**

- 1.0 Peraduan Wave & Get Xtra Huat ("Peraduan") dianjurkan oleh **AEON BIG (M) SDN BHD (No. Syarikat 199201011156)** ("Pihak Penganjur") dengan kerjasama **PAYMENTS NETWORK MALAYSIA SDN. BHD. (No. Syarikat 836743-D)** ("PayNet") ("**Penaja Hadiah**") dari 2 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020, termasuk kedua-dua tarikh yang berikut ("Tempoh Peraduan") di semua Pasar Raya Besar AEON BiG di seluruh negara.
- 2.0 Dengan menyertai Peraduan ini, anda bersetuju untuk terikat dengan semua terma dan syarat di bawah ("Terma dan Syarat").
- 3.0 Kelayakan**
- 3.1 Peraduan ini terbuka kepada pemegang kad mesin automatik ("ATM") MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan MyDebit di Malaysia ("Peserta").
- 3.2 Peserta yang layak harus membelanjakan sekurang-kurangnya RM80 dengan transaksi MyDebit secara tanpa sentuh dalam satu resit tunggal di mana-mana Pasar Raya Besar AEON BiG ("Peserta yang Layak"). Setiap transaksi RM80 ataupun melebihi RM80 dalam satu resit tunggal layak untuk dikira sebagai satu (1) penyertaan.
- 3.3 Peserta yang Layak mestilah berwarganegara Malaysia atau yang kini bermastautin di Malaysia dan berumur 18 tahun pada atau sebelum 2 Januari 2020.
- 3.4 Peserta yang Layak juga harus mempunyai akaun yang sah, aktif dan dalam kedudukan kewangan yang baik, dengan mana-mana bank yang menyertai MyDebit semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan Hadiah.
- 3.5 Kakitangan Pihak Penganjur dan PayNet (termasuk subsidiari masing-masing), agensi, peniaga, pengedar, penaja dan ahli keluarga terdekat masing-masing tidak layak menyertai Peraduan ini.
- 3.6 Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menolak mana-mana penyertaan atau membatalkan kelayakan mana-mana Peserta tanpa memberi sebarang sebab tertentu.
- 3.7 Peserta dikehendaki menyediakan maklumat lengkap (nama, nombor telefon bimbit, Kad Pengenalan Malaysia (MyKad/ MyPR), dan alamat e-mel) dalam borang Peraduan dan melengkapkan slogan di dalam borang penyertaan yang disediakan di Pasar Raya Besar AEON BiG.
- 3.8 Borang Peraduan mestilah dimasukkan ke dalam kotak Peraduan yang disediakan di Pasar Raya Besar AEON BiG di dalam Tempoh Peraduan di mana Peserta hendaklah menyertakan resit AEON BiG atau slip transaksi terminal pembayaran (slip EDC) sebagai bukti pembayaran MyDebit tanpa sentuh.
- 3.9 Untuk mengelakkan sebarang keraguan, hanya borang Peraduan yang dihantarkan dalam tempoh **Hadiah Mingguan Xtra Huat** (Tempoh: 2 Januari – 26 Januari 2020) layak dipilih untuk memenangi **Hadiah Mingguan Xtra Huat**.
- 3.10 Borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak jelas dan/atau tidak memuaskan dalam apa cara sekalipun akan dibatalkan kelayakannya yang bergantung kepada budi bicara mutlak Pihak Penganjur.
- 4.0 Hadiah**
- 4.1 Sejumlah empat ratus tujuh puluh (470) pemenang akan dipilih oleh pihak Penganjur dan PayNet. Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad dan mengikat dan tiada sebarang rayuan akan dilayan. Setiap pemenang layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja dan hadiahnya adalah seperti berikut:

	Hadiah	Nilai Hadiah	Jumlah Pemenang
CNY	Hadiah Mingguan Xtra Huat	AEON BiG <i>Gift Card</i> bernilai RM80 setiap satu x 5 pemenang setiap stor x 4 minggu	440
GANJARAN HEBAT	Utama	Toyota Corolla 1.8E A/T bernilai RM128,209 *Tidak termasuk lesen kenderaan motor, yuran pendaftaran dan insurans kereta persendirian di Semenanjung Malaysia	1
	Pertama	Toyota Vios 1.5E (AT) bernilai RM80,910 *Tidak termasuk lesen kenderaan motor, yuran pendaftaran dan insurans kereta persendirian di Semenanjung Malaysia	1
	Sagu Hati	AEON BiG <i>Gift Card</i> bernilai RM688 setiap satu	28
<b>Jumlah Keseluruhan:</b>			<b>470</b>

- 4.2 Hadiah Utama kereta Toyota Corolla 1.8E A.T dan Hadiah Pertama kereta Toyota Vios 1.5E (AT) adalah tidak termasuk lesen kenderaan motor, yuran pendaftaran dan insurans kereta persendirian di Malaysia. Warna untuk Hadiah Utama dan Hadiah Pertama adalah muktamad dan tidak boleh dirunding. Pemenang Hadiah Utama atau Hadiah Pertama perlu menanggung segala perbelanjaan sepenuhnya untuk memohon lesen kenderaan motor, yuran pendaftaran dan insurans kereta persendirian di Malaysia.
- 4.3 Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah dengan nilai yang sama tanpa sebarang pemberitahuan atau notis terlebih dahulu atau sebarang pampasan akan diberikan.
- 4.4 Hadiah akan diberikan dalam 'keadaan sedia ada', dan tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dibayar balik, tidak boleh dikembalikan, tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau sebarang bentuk penukaran sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.
- 4.5 Nilai Hadiah adalah tepat semasa penyediaan Peraduan dan semasa percetakan.
- 4.6 Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat automobil dan/atau pembekal pihak ketiga. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur/ PayNet dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

## 5.0 Pemilihan Pemenang

- 5.1 Pemilihan pemenang akan dianjurkan seperti berikut:
- 5.1.1. **Hadiah Mingguan Xtra Huat** (Tempoh: 2 Januari – 26 Januari 2020) – Kesemua empat ratus empat puluh (440) pemenang dengan slogan yang terbaik akan dipilih oleh pihak Penganjur pada setiap minggu dan untuk empat minggu berturut-turut ["Jadual Peraduan Mingguan"].
- Jadual Peraduan Mingguan
    - a) 2 Jan – 5 Jan 2020: AEON BiG Gift Card bernilai RM80 x 110 pemenang (Tarikh Cabutan: 5 Jan 2020)
    - b) 6 Jan – 12 Jan 2020: AEON BiG Gift Card bernilai RM80 x 110 pemenang (Tarikh Cabutan: 12 Jan 2020)
    - c) 13 Jan – 19 Jan 2020: AEON BiG Gift Card bernilai RM80x 110 pemenang (Tarikh Cabutan: 19 Jan 2020)
    - d) 20 Jan – 26 Jan 2020: AEON BiG Gift Card bernilai RM80 x 110 pemenang (Tarikh Cabutan: 26 Jan 2020)

5.1.2. **Ganjaran Hebat** – Kesemua tiga puluh (30) pemenang dengan slogan yang terbaik akan dipilih oleh Pihak Penganjur dan PayNet, dan para pemenang akan diumumkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Peraduan ini tamat.

- 5.2 **Hadiah Mingguan Xtra Huat** - Kesemua pemenang akan dihubungi oleh pihak Penganjur secara mingguan selepas cabutan dibuat dan pihak Penganjur akan cuba menghubungi pemenang sebanyak dua (2) kali melalui telefon atau emel atau khidmat pesanan ringkas (SMS). Pihak Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi di atas sebarang sebab sekalipun dan pihak Penganjur berhak memilih pemenang yang seterusnya melalui prosedur yang sama.
- 5.3 **Ganjaran Hebat** - Kesemua pemenang akan dihubungi oleh pihak Penganjur dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat Tempoh Peraduan dan pihak Penganjur akan cuba menghubungi pemenang sebanyak dua (2) kali semasa waktu bekerja (Isnin – Jumaat) melalui telefon. Pihak Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi di atas sebarang sebab sekalipun dan pihak Penganjur berhak memilih pemenang yang seterusnya melalui prosedur yang sama.
- 5.4 Keputusan pihak Penganjur termasuk dan tidak terhadap kepada pemilihan pemenang adalah muktamad dan konklusif dan tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan atau rayuan selanjutnya yang akan dilayan.
- 6.0 Tuntutan Hadiah**
- 6.1 **Hadiah Mingguan Xtra Huat** – Kesemua pemenang untuk Hadiah Mingguan Xtra Huat perlu menuntut Hadiah di pasar raya besar AEON BiG yang terdekat.
- 6.2 **Ganjaran Hebat** (Hadiah Utama, Hadiah Pertama dan Hadiah Sagu Hati) – Kesemua pemenang untuk Ganjaran Hebat perlu menghadiri 'Upacara Penyampaian Hadiah' untuk menuntut Hadiah yang dimenangi dan butiran untuk upacara tersebut akan diberikan oleh pihak Penganjur. Kegagalan untuk menghadiri upacara ini akan menyebabkan hadiah ditarik balik dan pihak Penganjur berhak menggantikan dengan pemenang yang lain.
- 6.3 Kesemua pemenang perlu membawa notis rasmi yang dihantarkan oleh pihak Penganjur melalui e-mel atau pos dan kad pengenalan Malaysia (MyKad atau MyPR) untuk menuntut Hadiah. Pihak Penganjur berhak menolak tuntutan Hadiah sekiranya pemenang gagal mengemukakan dokumen yang diminta.
- 6.4 Pemenang akan menanggung segala perbelanjaan perjalanan dan kos peribadi pemenang untuk menghadiri upacara penyampaian Hadiah mahupun semasa penuntutan Hadiah. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kos pengangkutan berkaitan dengan penuntutan dan/atau penghantaran Hadiah. Sebarang kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan Hadiah adalah ditanggung semata-mata oleh pemenang.
- 6.5 Hadiah-hadiah perlu dituntut dan diterima oleh pemenang terpilih dalam tempoh sebulan dari tarikh notis. Pihak Penganjur berhak menarik balik Hadiah tersebut sekiranya terdapat sebarang penolakan atau kegagalan untuk menuntut Hadiah dalam tempoh yang dinyatakan dan sebarang persoalan tidak akan dilayan. Tiada bayaran balik akan diberikan untuk mana-mana Hadiah yang tidak dituntut. Tiada wang tunai akan diberikan sebagai pertukaran untuk Hadiah.
- 6.6 Pihak Penganjur berhak dengan budi bicara mutlak untuk tidak melayan sebarang permintaan pulangan oleh pemenang selepas pelaksanaan resit penerimaan Hadiah.
- 6.7 Keputusan pihak Penganjur adalah mutlak dan sebarang surat-menyurat, pertanyaan atau rayuan tidak akan dilayan.

## **7.0 Umum**

- 7.1 Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, dan kriteria tertentu (sekiranya ada) termasuk Notis Perlindungan dan Privasi Data seperti yang tertulis di bawah.
- 7.2 Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, semua Peserta bersetuju dan memberikan kebenaran untuk pihak Penganjur dan PayNet mengumpul, merakam, memegang, menyimpan, merekodkan, menggunakan, mendedahkan, dan memproses nama mereka, Kad Pengenal Malaysia (MyKad/ MyPR), butiran perhubungan, alamat e-mel, alamat dan transaksi, dan apa-apa maklumat awam yang tersedia di dalam borang Peraduan untuk tujuan yang diperlukan atau berkaitan dengan penyertaan dalam Peraduan ini.
- 7.3 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan PayNet daripada apa-apa liabiliti, kerugian, hak ganti rugi, dan apa-apa jenis tuntutan dan tindakan yang terhasil yang berkaitan dengan Peraduan dan tidak terhad kepada penerimaan, pemilikan, penggunaan atau penyalahgunaan Hadiah, atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan Hadiah, tanpa batasan kepada kecederaan, kematian, dan kerosakan harta benda.
- 7.4 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, Penganjur tidak memberi jaminan atau apa jua perwakilan, sama ada secara nyata, tersirat atau berkanun, berhubung dengan Peraduan, Hadiah termasuk, tetapi tanpa batasan, terhadap kualiti dan kebolehan yang berkenaan dengan Hadiah. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Penganjur adalah pihak tunggal yang bertanggungjawab untuk Hadiah, penganjuran dan pelaksanaan Peraduan. Sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan Peraduan hendaklah dibuat terus kepada Penganjur.
- 7.5 Para Peserta akan dianggap telah memberi persetujuan kepada pihak Penganjur untuk mendedahkan atau menerbitkan Data Peribadi dan sebarang maklumat umum yang dianggap wajar oleh pihak Penganjur mengenai Peserta dalam mana-mana media, pemasaran atau bahan pengiklanan; dan Peserta dianggap telah memberi hak mutlak kepada pihak Penganjur dan tidak terbatas untuk mengubahsuai, menggunakan dan menyiarkan apa-apa imej para Peserta untuk tujuan promosi, pemasaran, komersial atau lain-lain yang berkaitan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
- 7.6 Jika mana-mana pemenang tidak boleh dihubungi, atau jika mana-mana pemenang menolak Hadiah tersebut ataupun tidak mematuhi Terma dan Syarat Peraduan seperti yang telah ditetapkan, Hadiah tersebut akan ditarik balik dan diberikan kepada pemenang lain yang telah tersenarai sebagai pemenang simpanan, mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur dan PayNet.
- 7.7 Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Peraduan ini secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau mengubah, memadam, atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya secara mutlak. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantung oleh pihak Penganjur atau PayNet, Peserta tidak diberikan hak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur dan PayNet bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Peserta sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah disebabkan oleh pembatalan, penamatan atau penggantung dari pihak Penganjur atau PayNet.
- 7.8 Sebarang pertanyaan mengenai Peraduan ini boleh dihantar melalui e-mel kepada [customer.careline@aeonbig.com.my](mailto:customer.careline@aeonbig.com.my).
- 7.9 Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 7.10 Terma dan Syarat Peraduan ini akan ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 7.11 Masa adalah intipati Peraduan ini.

## **8.0 Notis Privasi**

- 8.1 Data Peribadi anda termasuk nama, Kad Pengenalan Malaysia (MyKad/ MyPR), maklumat untuk dihubungi, alamat e-mel, alamat dan nombor transaksi, dan sebarang maklumat umum yang didapati di dalam borang Peraduan akan direkodkan, disimpan atau diproses oleh AEON BiG untuk tujuan yang berkaitan dengan pengurusan Peraduan Wave & Get Xtra Huat (“Tujuan”) dan untuk pengiklanan, publisiti, pemasaran dan komunikasi.
- 8.2 Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberi persetujuan dan kebenaran kepada bank mereka untuk berkongsi dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur dan PayNet untuk mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan). Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.
- 8.3 Peserta boleh meminta akses atau pembetulan Data Peribadi mereka, mengemukakan pertanyaan atau sebarang aduan atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi mereka pada bila-bila masa dengan mengemukakan permohonan tersebut kepada AEON BiG melalui email di [dataprivacy@aeonbig.com.my](mailto:dataprivacy@aeonbig.com.my). Sila ambil perhatian bahawa kami perlu memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan tersebut, dimana tanpa Data Peribadi tersebut, Peserta tidak akan dapat menyertai Peraduan ini.
- 8.4 Semua Data Peribadi yang berkaitan dengan Peraduan ini akan ditadbir dan ditangani mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan semua undang-undang lain yang berkaitan di Malaysia.

[Tamat]